

29 OCT 2003

MAHATHIR-PROTON/I

PROTON AKAN MAIN PERANAN PENTING DALAM INDUSTRI AUTOMOTIF IRAN

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Pengeluar kereta nasional, Proton, hari ini memeterai kerjasama strategik dengan Automotive Industry Development Company (Aidco) dari Iran yang membolehkannya memainkan peranan penting dalam memajukan industri automotif negara tersebut bagi tempoh 16 tahun akan datang.

Kerjasama itu menerajui program pengembangan global Proton dan membuka pintu kepada pasaran dengan potensi satu juta kereta setahun.

Di bawah Perjanjian Kerjasama Teknologi yang dimeterai antara kedua-dua pihak dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Proton akan membekalkan platform kenderaan rekaan Malaysia dan enjin "Campro".

Bercakap di majlis tersebut, Dr Mahathir berkata kerjasama itu membuktikan bahawa negara-negara Islam juga mempunyai keupayaan yang sama dengan yang lain.

"Kita perlu memperlihatkan keupayaan kita agar persepsi bahawa Islam itu adalah sesuatu yang membelenggu dan menghalang kita daripada membangun,

Dr Mahathir berkata kerjasama Malaysia-Iran boleh pergi malahan lebih jauh lagi.

"Bersama-sama, kita boleh mempunyai keupayaan yang kukuh untuk memperolehi teknologi dan memajukan teknologi kita sendiri. Oleh itu usaha sama tersebut baik bagi Iran dan Malaysia dan negara Islam secara keseluruhannya," katanya.

Perjanjian itu membuka laluan bagi penubuhan sebuah syarikat usaha sama antara Proton dan Aidco yang akan diberi lesen untuk memasang, mengeluarkan dan menjual kenderaan segmen "C" generasi baru Proton di bawah satu jenama yang akan diputuskan oleh kedua-dua syarikat itu kelak.

Ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengklu Ariff berkata ini adalah kali pertama Proton dan keupayaan kejuruteraan dan teknologi automotif Malaysia ditawarkan kepada pihak ketiga.

"Ia memberikan kita pasaran yang mempunyai potensi untuk menjual lebih satu juta kereta setahun. Ia akan menyediakan kepada kita ekonomi bidangan yang diperlukan dan membolehkan kita memajukan produk masa depan pada kos yang lebih kompetitif," katanya.

Perjanjian itu juga memerlukan Proton membantu memajukan penyelidikan

Aidco bertanggungjawab bagi dua daripada syarikat pembuat kereta terbesar di Iran iaitu Iran Khodro dan Saipa Khodro yang secara bersama menguasai 90 peratus pasaran automotif Iran.

Aidco adalah anak syarikat Pertubuhan Pembangunan dan Pengubahsuaian Industri Iran yang merupakan ahli gabungan Kementerian Lombong dan Industri Iran.

Menjelaskan lebih lanjut, Tengku Mahaleel berkata, syarikat usaha sama itu akan memasang, membuat dan menjual enjin Campro Proton serta enjin-enjin lain dengan kuasa sehingga kapasiti tiga liter dengan pilihan untuk menceburi bidang alternatif enjin gas asli mampat.

Enjin-enjin ini akan dipasang pada kenderaan baru yang dimajukan oleh syarikat usaha sama itu.

Pada masa yang sama, Proton akan menyediakan pengetahuan kejuruteraan dan teknikal, kemudahan, kelengkapan dan sumber yang diperlukan oleh

Terdahulu, semasa menjawab soalan daripada pemberita mengenai kerjasama Proton-Aidco, Dr Mahathir menyentuh mengenai penggunaan dinar emas bagi perdagangan antara Malaysia dan Iran.

Beliau berkata ianya berkembang lebih pantas berbanding dengan negara-negara lain.

"Terdapat banyak persediaan di Iran dan Malaysia. Saya rasa negara-negara lain mahu melihat kejayaan usaha ini. Saya rasa mereka juga turut mahu menyertainya," katanya.

Pada majlis tersebut Aidco diwakili oleh ketua pegawai eksekutifnya B. Alimoradlou. -- BERNAMA

MAM MR ZK